


**CARTA ALIRAN MENGUBAH KATEGORI  
TANAH DAN MEMINDA SYARAT  
NYATA TANAH**



**Sebarang pertanyaan,  
sila hubungi :**


PN. NUR AFIZAH BINTI AHMAD  
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2470

PN. FARAH AINI BINTI HOSNI HUSSEN  
Penolong Pegawai Daerah  
(Unit Pembangunan Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2473

PN. JULIANI BINTI SERI  
Ketua Pembantu Tadbir  
(Unit Pembangunan Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2545

PN. SITI MA'HERAN BINTI SULAIMAN  
Pembantu Tadbir  
(Pembangunan Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2459

**PANDUAN PERMOHONAN  
MENGUBAH KATEGORI  
KEGUNAAN DAN MEMINDA  
SYARAT NYATA TANAH DI  
BAWAH SEKSYEN 124 (1) (a)  
DAN (c) KANUN TANAH  
NEGARA**



**PEJABAT DAERAH / TANAH  
KUALA LANGAT**

**Diterbitkan Oleh :**

**PEJABAT DAERAH / TANAH  
KUALA LANGAT,  
KOTA SERI LANGAT,  
42700 BANTING,  
SELANGOR DARUL EHSAN.**

**TEL : 03-31822555  
FAKS : 03-31879004**

**EMAIL : [klangat@selangor.gov.my](mailto:klangat@selangor.gov.my)**

## **TUKAR SYARAT TANAH**

Tukar syarat bermaksud pengubahan kategori kegunaan tanah atau pengenaan kategori kegunaan tanah yang baru; atau pembatalan; atau pindaan syarat nyata atau pengenaan syarat nyata yang baru untuk membolehkannya menggunakan atau memajukan tanah bagi maksud yang lain daripada dibenarkan pada masa ini.

### **PERSEDIAAN PERMOHONAN**

Dokumen yang perlu disediakan oleh pemohon sebelum membuat permohonan tukar syarat ialah:-

- i. Borang Kaedah 44C (Jadual XVI) (Perenggan 51 (P) - 2 salinan
- ii. Pelan Kunci, Lokasi, Tapak yang disediakan oleh Jururancang Bandar Bersekutu - 6 salinan
- iii. Laporan Cadangan Pemajuan - 3 salinan
- iv. Carian Rasmi Asal
- v. Salinan Hakmilik
- vi. Salinan Cukai Tanah Semasa
- vii. Surat persetujuan bertulis daripada tiap-tiap orang / badan yang mempunyai kepentingan berdaftar ke atas tanah.

- viii. Dokumen surat kuasa wakil jika permohonan dibuat oleh mana-mana orang dibawah surat kuasa wakil (Didaftarkan di Mahkamah Tinggi dan Pejabat Tanah)
- ix. Permohonan daripada syarikat hendaklah mengemukakan Memorandum and Article of Association dan Borang 24 dan 49.

### **BAYARAN PERMOHONAN YANG DIKENAKAN**

- i. Tidak lebih 1 hektar RM70.00
- ii. 1 hektar-10 hektar RM140.00
- iii. Lebih 10 hektar:-
  - > 10 hektar pertama RM140.00
  - > Untuk tambahan hektar atau sebahagiannya RM15.00

### **KUASA MELULUSKAN**

1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (bagi permohonan One Stop Centre).
2. Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor (permohonan meminda syarat nyata tanah).
3. Pengarah Tanah dan Galian Selangor (Rizab Melayu).
4. Pentadbir Tanah / Daerah Kuala Langat (permohonan kilang tanpa kebenaran – dalam zoning).

### **KADAR BAYARAN PREMIUM YANG DIKENAKAN**

1. Pertanian kepada Bangunan Kediaman – 15% daripada nilai tanah yang baru diluluskan.
2. Pertanian kepada Bangunan Perniagaan – 30% daripada nilai tanah yang baru diluluskan.
3. Pertanian kepada Industri
  - Industri Ringan – 20%
  - Industri Sederhana – 25%
  - Industri Berat – 30% daripada nilai tanah yang baru diluluskan.
4. Bangunan Kediaman kepada Bangunan Perniagaan – 15% daripada nilai tanah yang baru diluluskan.
5. Industri kepada Bangunan Perniagaan – 10% daripada nilai tanah yang baru diluluskan.